



**BTP**

**BAHAGIAN TEKNOLOGI PENDIDIKAN  
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA**

Pesiaran Bukit Kiara, 50604 Kuala Lumpur

**Laporan Menghadiri Kursus/Latihan Jangka Pendek  
anjaran Agensi Luar/Bahagian Lain KPM**

**A BUTIR-BUTIR PESERTA**

- Seperti Lampiran

**B BUTIR-BUTIR KURSUS**

Nama kursus : 2010 Global Partnership for ICT in Education Project  
Educational ICT Training

Tempoh kursus : 4 Oktober 2010 – 15 Oktober 2010

Anjaran : Jeollanamdo Office Of Education  
The Republic Of Korea

Tajaan/Perbelanjaan: Jeollanamdo Office Of Education  
The Republic Of Korea

## Latar Belakang

E-Learning Global Education, Joellanamdo Pejabat Pendidikan melakukan lawatan kerja ke Malaysia 8-11 Jun 2010. Antara tugas mereka selama kunjungan ini adalah untuk membincangkan dan menandatangani Nota Sepakat (MOU) pada Global 2010 E-Learning Project, dan melawat sekolah-sekolah yang menerima komputer sumbangan Pejabat Pendidikan Joellanamdo pada tahun 2009.

Semasa kunjungan mereka ke Bahagian Teknologi Pendidikan, Kementerian Pendidikan (MOE) Malaysia di Bukit Kiara, Kuala Lumpur pada 9 Jun 2010, status komputer telah dilaporkan. Undangan untuk menjalani Latihan di Korea dari 05-14 Oktober 2010 untuk 15 orang guru dan pentadbir pendidikan MOE diterima daripada pegawai Pejabat Joellanamdo Pendidikan. Lawatan ini akan mendedahkan MOE mengenai pengintegrasian teknologi pendidikan serta keberkesanan dalam pengajaran dan pembelajaran di kelas melalui latihan di Korea Selatan.

### C. OBJEKTIF KURSUS:

Tujuan dari program ini adalah sebagai berikut:

1. Untuk berkongsi, merancang dasar amalan terbaik, dan infrastruktur di Malaysia untuk menyokong integrasi teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran di Korea Selatan.
2. Untuk berkongsi amalan-amalan terbaik di Korea Selatan:
  - i. mengintegrasikan teknologi dalam proses pengajaran dan pembelajaran
  - ii. menguruskan sistem pembelajaran untuk pengintegrasian teknologi dalam proses pembelajaran di sekolah
  - iii. pengurusan dan pelaksanaan pusat sumber digital
  - iv. pembangunan bahan sumber pendidikan dan bahan siaran dari tahap perancangan awal untuk pelaksanaan dan penggunaan
  - v. pengeluaran dan siaran bahan siaran pendidikan dari tahap perancangan awal untuk pelaksanaan dan penggunaan

- vi. Merupakan salah satu latihan guru mengenai penggunaan teknologi dalam pendidikan
  - vii. pemantauan penggunaan teknologi dalam pendidikan
  - viii. cerdas bekerjasama dengan masyarakat serta sektor awam dan syarikat dalam mengintegrasikan penggunaan teknologi dalam pendidikan
3. Untuk mengetahui trend terkini dan aplikasi dalam penggunaan teknologi dalam pendidikan

#### **D KEBAIKAN DAN KELEMAHAN KURSUS**

Kebaikan:

- Peserta didedahkan dengan semangat jati diri Korea yang tinggi untuk membangunkan bangsa Korea yang maju ke hadapan.
- Dengan semangat ini ,Korea membangunkan segala sektor terutamanya pendidikan ke tahap yang disegani dunia.
- Peserta juga mendapat pendedahan mengenai cara pengendalian program ICT yang dirancang daripada peringkat akar umbi hinggalah ke peringkat pelaksanaan di sekolah
- Di mana jua pelajar dan rakyat Korea berada, mereka boleh mengakses internet dan mengikuti pembelajaran secara maya kerana seluruh Korea disambungkan dengan teknologi Fibre Optik dengan kelajuan internet 100Mbs.
- Sokongan kuat daripada sektor koperat dan swasta seperti LG dan Samsung yang banyak menyumbangkan komputer dan laptop serta membantu sekolah dalam penyenggaraan peralatan komputer apabila diperlukan. Hal ini juga merupakan salah satu perkongsian pintar antara syarikat dengan pihak sekolah dan kerajaan Korea.
- Disiplin pelajar yang baik menyumbang kepada pendidikan yang sempurna. Disiplin ini juga dikawal oleh ibu bapa yang memantau pergerakan anak-anak melalui sistem NEIS..
- Pengurusan dan pengendalian sistem ICT dan media dikendalikan oleh Jeollanamdo Education Office, Jeollanamdo Educational Information Institute dan NEIS untuk menghasilkan satu sistem dan media pendidikan

yang setara bagi 800 buah sekolah di daerah Jeonallamdo. Perkara yang sama dikendalikan oleh Educational Office di daerah lain.

**Kelemahan :**

- Dengan masa amat singkat, kadang peserta belum sempat untuk memahami dan menguasai penyampaian yang disampaikan dan terpaksa bergerak untuk ke slot seterusnya.
- Makanan halal yang diyakini perlulah dipastikan oleh pihak penganjur dengan merujuk kepada pejabat kedutaan Malaysia di Korea.
- Topik Hangeul perlu lebih berfokus kepada penggunaan ayat untuk asas komunikasi harian dan tidak berfokus pada fonetik linguistik Hangeul.
- Penyediaan bahan pembentangan semasa sesi lawatan perlulah lebih jelas.

**E PELAN TINDAKAN (ACTION PLAN) SELEPAS KURSUS**

**Pengurusan BTPN dan PKG**

1. Apakah pelan tindakan anda ?
  - i. Memperkasa penggunaan e-Learning
  - ii. Pemantapan pemahaman e-Learning pegawai BTPN, PKG dan Sekolah Pemangkin
2. Bagaimana melaksanakan pelan tindakan?
  - i) Memperkasa penggunaan e-Learning
    - i) Bengkel penggunaan bahan P & P berasaskan ICT kepada guru-guru di sekolah kelompok
    - ii) Pelaksanaan P & P berasaskan ICT
    - iii) Pemantauan Pelaksanaan
    - iv) Penilaian Keberkesanan
  - ii) Pemantapan pemahaman e-Learning pegawai BTPN, PKG dan Sekolah Pemangkin
    - i) Penubuhan Jawatankuasa pelaksana
    - ii) Taklimat kepada pegawai BTPN dan PKG Bengkel
    - iii) Penggunaan bahan P & P berasaskan ICT untuk BTPN dan PKG
    - iv) Bengkel penggunaan bahan P & P berasaskan ICT untuk Guru Sumber Sekolah Kelompok
3. Apakah kesan kos untuk melaksanakan pelan tindakan?

Peruntukan OS29000 dan OS21000 dan OS27000 untuk melaksanakan bengkel /latihan dan pemantauan ke sekolah.

4. Apakah kekangan yang mungkin berlaku?
  - i) Talian capaian internet yang tidak stabil.
  - ii) Peruntukan tidak mencukupi.
  - iii) Komitmen pentadbir dan guru dalam melaksanakan e-learning.
  
5. Apakah hasil yang dijangkakan yang diperolehi daripada pelaksanaan pelan tindakan?
  - Berlakunya pengintegrasian dan pembudayaan ICT dalam pendidikan.
  - Guru dan pentadbir memperolehi kemahiran aplikasi ICT.
  - Suasana P & P lebih menyeronokkan.
  
6. Bagaimana anda menilai pelan tindakan?
  - Melaksanakan kajian tindakan keberkesanan pelan tindakan.
  
7. Siapakah kumpulan sasaran anda?
  - Pegawai BTPN
  - Pegawai PKG
  - Guru
  - Pelajar.

### **Pengurusan Sekolah**

8. Apakah pelan tindakan anda ?
  - iii. Kumpulkan bahan daripada panitia
  - iv. Penyediaan kemudahan untuk mengakses server
  - v. Membina blog guru itu sendiri.
  - vi. Menyediakan latihan penggunaan kemahiran dalam aplikasi ICT kepada guru dan pentadbir
  
9.
  - i. Panitia harus menghantar nota, bahan bantu mengajar, slide pengajaran dalam bentuk power point, penyediaan latihan yang merangkumi pemulihan dan pengayaan, persembahan bahan pengajaran dan bank soalan.
  - ii. Semua bahan di atas ini haruslah di upload ke server sekolah bagi membolehkan bahan-bahan ini sampai kepada guru dan murid dengan cara memuat turun.
  - iii. Jika server tiada maka guru perlu membina satu blog secara percuma bagi membolehkan bahan pengajaran tersebut di gunakan sewaktu sesi pengajaran dan pelajar boleh mengakses melalui blog guru tersebut.
  - iv. Kemahiran penggunaan aplikasi perlulah di ajar kepada semua guru yang merangkumi kemahiran memasukkan video dalam power point, download bahan, jenis software yang boleh digunakan untuk download dengan mudah, edit video/movie, dan kemahiran memilih bahan dari courseware sedia ada. Selain itu juga melakukan rakaman video cara mengajar bagi sesuatu subjek utama terutama guru-guru cemerlang di setiap daerah mahu pun negeri dengan membawa guru-guru melihat

sendiri bagaimana guru cemerlang mengaplikasikan ICT dalam pengajaran dan pembelajaran.

10. Apakah kesan kos untuk melaksanakan pelan tindakan?

Kesan kos yang berlaku adalah dari segi kemudahan peralatan ICT itu sendiri yang perlu disediakan. Kesan kos yang kedua adalah melatih sumber manusia untuk memasang dan menyelenggara peralatan tersebut.

11. Apakah kekangan yang mungkin berlaku?

- Keengganan guru untuk berubah yang telah selesa dengan kaedah lama (tradisional)
- Pentadbir tidak bersedia untuk melaksanakan segala program yang telah dirancang.
- Masalah kewangan untuk meningkatkan keupayaan peralatan ICT.
- Ketidaksediaan pelajar untuk menerima perubahan dari segi pengajaran guru.

12. Apakah hasil yang dijangkakan yang diperolehi daripada pelaksanaan pelan tindakan?

- Bahan-bahan p&p daripada panitia dapat dikumpulkan.
- Server dapat diakses oleh semua klien.
- Semua guru dapat membina blog sendiri untuk dimanfaatkan oleh pelajar.
- Guru dan pentadbir memperoleh kemahiran aplikasi ICT.

13. Bagaimana anda menilai pelan tindakan?

- Semua panitia menghantar bahan p&p yang disediakan
- Semua server dapat diakses tanpa masalah.
- Semua guru telah membina blog peribadi sendiri.
- Semua guru dan pentadbir telah memperoleh kemahiran aplikasi ICT.

14. Siapakah kumpulan sasaran anda?

- Ketua panitia
- Guru ICT/Penyelaras Bestari
- Pentadbir dan guru.
- Pelajar

#### **F ADAKAH KURSUS INI SESUAI DIHADIRI OLEH PEGAWAI LAIN?**

Kursus ini memberi manfaat kepada peserta dari segi perkongsian ilmu sebagai penanda aras dalam pelaksanaan perkara berkaitan di Malaysia dan perlu diperluaskan kepada pegawai lain juga.

## LAMPIRAN

**Tajuk 1** : The History and Culture of Korean E  
**Pembentang** : Kim, Seoksu  
Principal, Jangseonngbuk Middle School  
**Jurubahasa** : Kim Yeongmi

### **Pengenalan Sejarah, Kebudayaan dan Pendidikan Negara Korea**

#### **Sinopsis**

Korea terletak bersempadanan antara negara China di utara dan menghadap Negara Jepun di sebelah timur dan selatan. Korea mempunyai 3200 pulau dengan keluasan 220,000 kilometer persegi iatu 2/3 daripada tanah besar. Mempunyai 4 jenis iklim iaitu musim Bunga, Sejuk, Luruh dan Panas. Rakyat Korea kaya dengan seni warisan budaya yang diwarisi sejak zaman berzaman dan mempunyai daya kreativiti serta sentimen yang kuat. Negara Korea terkenal dengan pakaian tradisional yang dikenali sebagai *Hanbok* dan *Kimchi* sejenis makanan berasaskan sayuran yang diawet dan diiktiraf sebagai sejenis makanan yang sehat. Rakyat Korea juga terkenal dengan daya kreativiti yang tinggi membolehkan Korea menempa nama sebagai antara negara termaju dalam bidang teknologi maklumat. Dalam tahun 1990-an kualiti pendidikan Korea semakin meningkat sejajar dengan dasar pendidikan negara membangunkan sumber manusia yang berkualiti.

**Tajuk 2** : **Future Direction and Utilization of Educational Information**  
**Pembentang** : **Oh, Taeseok**  
**Professor Mokpo Science College**  
**Jurubahasa** : **Oh, Yuna**

### **Sinopsis**

Tajuk ini membincangkan mengenai arah masa depan pendidikan ICT di Korea Selatan. Kandungan ceramah ini merangkumi perkara-perkara berikut:

#### **1. Pendidikan ICT**

- Pengaruh Pendidikan ICT di sekolah
  - o Pengkomputeran rekod pelajar
  - o Peyediaan bilik Multimedia
  - o Pengukuhan rangkaian computer di sekolah
  - o Pengedaran media terkini teknologi pendidikan
  
- Pembangunan infrastruktur bagi
  - o Membantu sekolah yang menghadapi masalah ICT
  - o Menyebarkan pendidikan ICT ke semua sekolah
  - o Membina asas yang kukuh dalam system pendidikan

#### **2. Signifikasi Pendidikan ICT**

- Kandungan hardware dan software
  - o Memprogramkan perisian dan melatih orang yang terlibat.
  - o Penyelenggaraan peralatan ICT
  
- Tahap
  - o Memastikan penggunaan ICT mencapai tahap yang memuaskan
  - o Sesuai dengan keperluan industri dan dunia.
  - o Sesuai dengan teknologi masa depan
  - o Boleh diperbaharui dan menghubungkan sekolah di seluruh Negara dengan kelajuan amat tinggi.

#### **3. Persekitaran Pendidikan ICT**

- Semua cadangan berkaitan dengan keperluan penggunaan pendidikan ICT perlu diambilkira:

- Sumber kewangan yang perlu disediakan
- Penyelenggaraan dan pelupusan
- Penyediaan bahan pengajaran mengikut keperluan murid.

#### **4. Rancangan Penyediaan Pendidikan ICT**

- Mempertimbangkan dan mengenalpasti sekolah yang berpotensi disamping sumber kewangan yang mencukupi.
  - Bantuan kewangan daripada kerajaan dan badan lain.
  - Mewujudkan kelas computer swasta.
  - Merancang penggunaan sumber kewangan sekolah
  - Mewujudkan suasana penggunaan computer oleh guru/murid secara sendiri.
  - Penjimatan perbelanjaan mengikut perbezaan kawasan.

#### **5. Cadangan Untuk Pendidikan ICT**

- Pembekalan kemudahan kepada guru dan murid mengikut kepelbagaian jenis pembelajaran.
- Perkongsian maklumat antara sekolah
- Pembelajaran daripada kelas ke sekolah

#### **6. Penggunaan Rangkaian Komputer Dalam Pendidikan**

- Guru, pelajar, ibubapa, majikan dan pengurus perlu mengambil kira dalam membuat keputusan.
- Bekalkan kemudahan dan maklumat yang kukuh
- Perlu melibatkan diri dalam pelbagai forum dan rangkaian ICT

#### **7. Arah Berterusan Rangkaian Komputer Dalam Pendidikan**

- Semua sekolah dapat berkongsi matlamat yang sama
- Kerajaan tidak boleh menghadkan perbelanjaan dalam pembelajaran ICT.

#### **8. Kebaikan Dan Keburukan Dalam Pendidikan ICT**

- Pembelajaran boleh berlaku dimana-mana sahaja.
- Dapat mendorong pelajar untuk belajar sendiri.

- Dapat membantu pelajar mengikut tahap yang berbeza
- Ramai guru tidak mendapat kepuasan
- Meningkatkan jurang digital di antara pelajar.

## **9. U-Learning**

- Pembelajaran boleh berlaku dimana sahaja dengan menggunakan jalur lebar tanpa wayar (WiBro).

## **10. Sistem U-Learning**

- Menggunakan rangkaian LAN tanpa wayar.
- Penggunaan computer tanpa mengira masa dan tempat

## **Outcome**

- Dengan adanya pembelajaran ICT secara U-Learning, dapat mengurangkan masa dan perbelanjaan kepada pengguna dan pembekal.
- Membawa pencapaian yang tinggi dalam pendidikan di samping dapat disebarkan ke semua sekolah yang memerlukan.
- Semua pelajar dari kawasan yang agak pedalaman (kepulauan) dapat belajar dengan sempurna sebagaimana pelajar di Bandar dengan adanya system U-Learning.
- Pelajar dapat mengakses banyak bahan secara digital dari internet dengan system U-Learning,

## **Kesan Gandaan**

- Kemudahan ICT akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
- Melahirkan pelajar yang berdaya saing.

**Tajuk 4** : National Education Information System (NEIS)  
**Pembentang** : Kim Haeryong  
Supervisor Jeollanamdo Yeosu Office of Education  
**Jurubahasa** : Kim Shinja  
**Tempat** : Training Institute Joellanamdo

### **Sinopsis**

National Education Information System (NEIS) adalah merupakan satu system menyeluruh yang digunakan di semua peringkat pentadbiran pendidikan di Korea Selatan iaitu dari peringkat wilayah hingga ke peringkat sekolah rendah (16 Pejabat Pelajaran peringkat Metropolitan dan wilayah, 182 Pejabat Pelajaran Tempatan dan semua sekolah). Selepas NEIS diperkenalkan, ia telah Berjaya membawa satu system pendidikan yang sama kepada semua. Telah Berjaya mengurangkan beban guru, mengubah budaya kerja dan memberi kepuasan kepada ibubapa pelajar. Dilaksanakan bagi melahirkan masyarakat yang berpengetahuan selaras dengan pelaksanaan e-Kerajaan oleh kerajaan Korea Selatan.

Mula dilaksanakan pada tahun 2001 dengan memasang perisian di 21 kawasan melibatkan pengurusan sekolah, gaji, Pada 2006 dilaksanakan sepenuhnya di 10000 buah sekolah yang dirangkaikan dengan internet berkelajuan tinggi Mengutamakan aktiviti pendidikan dengan member tumpuan kepada penjimatan masa guru. Tahun 2000, NIES telah berjaya mengurangkan perbelanjaan kos operasi dan penyelenggaraan.

Pembangunan dan pelaksanaan NIES ditanggung sepenuhnya oleh kerajaan Korea Selatan. Ia telah menelan perbelanjaan sebanyak US94.2 juta

### **Outcome**

- Memperbaiki kualiti pentadbiran pendidikan melalui penggunaan internet.
- Telah meluaskan penglibatan pelajar, ibubapa dan masyarakat dalam penggunaan ICT.
- Mendorong masyarakat menggunakan internet dengan pemberian sijil.
- Meningkatkan keselesaan masyarakat dalam penggunaan alat ICT.
- Mengurangkan beban guru dalam melaksanakan p&p.
- Menggalakkan lebih ramai murid meminati ICT.

### **Kesan Gandaan**

- Meningkatkan produktiviti melalui perkongsian pintar antara sekolah dan badan korporat.

- Mengurangkan penggunaan kertas dalam penyediaan dokumen-dokumen pengurusan.

**Tajuk 5** : **Shinan Distance Education System**  
**Pembentang** : **Kim,Youngho**  
**Supervisor Jeollanamdo Office of Education**  
**Jurubahasa** : **Kim Shinja**  
**Tempat** : **Jeollanamdo Shinan Office of Education – Mokpo City.**

### Sinopsis

Fokus taklimat ialah mengenai *Shinan Tele-Education System* yang telah dijalankan di *Shinan Islands*. Di Shinan ini terdapat sebanyak 1004 buah pulau dan hanyalah 600 buah pulau sahaja berpenghuni. Kemudahan internet telah disediakan bagi memudahkan perhubungan penduduk pulau dengan tanah besar. Sekolah di kepulauan ini dibekalkan dengan kemudahan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan *Tele Communication Education System*. Bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran, semua sekolah di pulau-pulau berkenaan disambungkan dengan '*Edu-Highway System*'. Kemudahan internet yang disediakan ialah 10-25Mbps bagi melancarkan *Tele Communication Education System* di sini.

Pembelajaran di rumah dilaksanakan melalui *Shinan Cyber Edu-Highway* menerusi internet. Sistem ini telah digunakan oleh 33 buah sekolah dan diuruskan oleh 2 orang guru. Segala bahan seperti pengisian komunikasi dan kandungan diperoleh daripada Ibu Pejabat *Shinan Distance Education*. Di ibu pejabat ini juga terdapatnya pusat operasi *video conferencing* (telesidang) dan juga meja bantuan. *Video Conferencing* ini boleh dikendalikan oleh 4 orang guru dan dapat dilihat oleh 50 orang pada masa yang sama.

*Cyber Learning School* pula dikhususkan untuk golongan tertentu iaitu pelajar pintar dan guru pelatih. Guru pakar atau cemerlang akan menjalankan aktiviti pembelajaran sebenar secara langsung (*real time*) dan boleh melibatkan lapan buah sekolah pada masa yang sama. Semua sekolah yang terlibat telah disediakan kemudahan yang sama dari segi fasiliti ICTnya. Setiap sekolah yang terlibat mempunyai purata bilangan guru antara 13-14 orang dan bilangan pelajarinya ialah tidak lebih 30 orang setiap kelas. Satu jadual waktu telah diselaraskan untuk semua sekolah yang terlibat. Guru dari sekolah utama akan ditugaskan menjadi pemudahcara bagi menyampaikan kandungan

pelajaran pada masa berkenaan secara serentak. Murid dari sekolah lain pula boleh berinteraksi dengan guru berkenaan.

Guru-guru juga boleh menggunakan televideo ini untuk bermesyuarat tanpa perlu meninggalkan sekolah. Mereka akan diberi latihan secara atas talian sebanyak 4 kali dalam satu semester. Program ini dapat menjimatkan belanja dan setiap penyelia akan sentiasa memastikan keberkesanan pembelajaran dan pengajaran yang disampaikan oleh guru-guru yang terpilih ini. Guru-guru juga boleh memasukkan bahan (*upload*) manakala pelajar boleh memuat turun bahan yang diperlukan bagi menyokong proses pengajaran dan pembelajaran. Akhirnya program ini boleh juga digunakan oleh ibu bapa atau penjaga untuk melihat kemajuan anak-anak mereka.

### **Outcome**

- Semua pelajar dari kawasan yang agak pedalaman (kepulauan) dapat belajar dengan sempurna sebagaimana pelajar di bandar.
- Pelajar kepulauan akan dapat mengakses banyak bahan secara digital dari internet.

### **Kesan Gandaan**

- Kemudahan ICT akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
- Melahirkan pelajar yang berdaya saing.

**Tajuk 6** : ICT Excellence School Visit I  
**Pembentang** : Kang, Sanwon  
Principal Shinan Jeungdo Middle School  
**Jurubahasa** : Kim Shinja  
**Tempat** : Shinan Jeungdo Middle School, Shinan Island, Mokpo City

### **Sinopsis**

Sekolah ini mula dibuka pada tahun 1971. Moto sekolah ialah *Sincerity And Integrity*. Bilangan murid pula ialah seramai 32 orang. Guru dan kakitangan pula terdiri daripada 15 orang ( 1 orang Guru Besar, 10 orang guru dan 4 orang staf bukan guru). Kemudahan yang terdapat di sekolah ini ialah 3 kelas, 5 kelas istimewa, 1 auditorium dan 1 perpustakaan. Sekolah ini mempunyai kepercayaan (*belief*) iaitu **‘True Education Start From Teachers Passion’** untuk memastikan kecemerlangan tercapai. Sekolah ini terletak di sebuah pulau dan merupakan sebuah sekolah pedalaman dan berada dalam kawasan penduduk yang sangat miskin dan tidak mempunyai sebarang sekolah menengah (*middle and high school*).

Sekolah ini mengamalkan *e-Learning* dalam proses pengajaran dan pembelajaran di samping menekankan soal pembacaan (*reading*). Bahan pengajaran telah disediakan oleh guru sendiri untuk sekolahnya di samping memuat naik bahan daripada internet untuk dikongsi bersama. Kemudahan yang disediakan dalam setiap kelas ialah kemudahan PC untuk guru dan satu LCD TV yang bersaiz besar (48") . Papan hitam masih kekal digunakan oleh guru di samping menggunakan *e-Learning*. Maklum balas dari murid amat baik kerana *e-Learning* yang digunakan itu sangat interaktif. Kaedah penyampaian pengajaran dan pembelajaran Bahasa Inggeris diselitkan juga penggunaan Bahasa Korea bagi memudahkan kefahaman dalam kalangan murid. Orang Korea sangat mengutamakan budayanya supaya jati diri terus utuh dan sentiasa inginkan kejayaan untuk negara bangsanya.

Guru-guru sekolah ini boleh berinteraksi dengan ibu bapa serta murid secara interaktif. Kadang-kadang guru melawat murid untuk mengajar dan memberi kaunseling. Semua murid sekolah ini disediakan makan tengah hari secara percuma dan kadangkala disediakan juga makan malam. Murid-murid juga diberi kemudahan untuk menggunakan kemudahan komputer sekolah bagi pembelajaran *e-Learning*. Kesemua guru di sekolah

ini sangat komited terhadap tugas yang diamanahkan. Sistem mentor juga diwujudkan di sekolah ini bagi memastikan muridnya terus cemerlang.

Akhirnya sekolah juga mengamalkan beberapa kriteria bagi mewujudkan suasana pengajaran dan pembelajaran yang menyeronokkan:

- *Creative*
- *Independent*
- *Healthy*
- *Skillfull*
- *Moral*

### **Outcome**

- Semua murid sekolah berkenaan dapat mengikuti P&P secara interaktif.
- Murid sekolah ini dapat digolongkan sebagai pelajar celik IT.

### **Kesan Gandaan**

- Kemudahan ICT akan dapat dimanfaatkan sepenuhnya.
- Melahirkan pelajar yang berdaya saing.

**Tajuk 7** : **ICT Excellence School Visit II**  
**Digital Textbook Specialized School**  
**Pembentang** : **Yang, Dongkwan**  
**Principal Goseo Elementary School**  
**Jurubahasa** : **Kim Mikeong**  
**Tempat** : **Damyang Goseo Elementary School**

Status sekolah sebelum ini.

1. Infrastruktur tidak lengkap
2. Pelajar kurang/tidak bermotivasi untuk belajar ke peringkat tinggi.
3. Pencapaian rendah di kalangan pelajar.
4. Kurang/tidak ada perancangan untuk pembangunan masa depan/ visi yang lemah.
5. Pelajar semakin kurang

Pelan tindakan untuk mengatasi masalah

1. Proaktif guru besar dan guru
2. Pencapaian sekolah bergantung kepada kepimpinan dan pengurusan sekolah yang cekap, berwawasan dan banyak menangani masalah.
3. Kegagalan sekolah untuk mencapai sasaran sekolah dianggap sebagai titik tolak untuk memulakan langkah baru untuk melaksanakan program di luar kotak pemikiran dan lebih kreatif.

Usaha yang dilaksanakan

1. Meletakkan visi dan misi sekolah yang lebih mantap dan dapat memberi semangat kepada pelajar dan guru.
2. Merancang dan melaksanakan program-program yang “luar biasa” yang mampu melonjakkan pencapaian

Antara program yang dilaksanakan.

1. Pengajaran secara formal dengan menggunakan kaedah yang berbeza dan menarik.
2. Menggunakan “Digital Textbook” untuk kesemua mata pelajaran dan juga jika perlu.
3. Setiap pelajar diberi menggunakan computer (laptop) dan bahan di upload ke web site sekolah dan pelajar didedahkan dengan penggunaan ICT dalam, pengajaran dan pembelajaran iaitu ( LMS).
4. Metodologi melalui kaedah

- a. (Role-play) – pelajar melukis gambar mengikut ilustrasi  
Pelajar menyebut/membina ayat secara lisan untuk menggambarkan ilustrasi
- b. Persembahan projek – Pelajar melakonkan aktiviti sebagaimana tergambar dalam ilustrasi paparan di papan putih. Aktiviti dibuat secara berulang. Kesannya aktiviti lebih menarik dan menyeronokkan.

#### Program sokongan atau khusus selepas sekolah

1. Kelas Bahasa Inggeris – sekolah menggaji guru luar Bahasa Inggeris.
2. Kelas kemahiran mengikut minat pelajar. Contohnya muzik, seni lukis, seni tanah liat, bercucuk tanam, dan memasak. Tujuannya untuk memberi pengalaman baru kepada pelajar.
3. Program di perpustakaan (Moonlight Library). Dijalankan pada pukul 6.30 petang hingga 10.00 malam. Program diselia oleh guru dan ibu bapa secara bergilir (Kerjasama komuniti setempat)
4. Sijil penghargaan diberi kepada semua aktiviti yang diceburi seperti gotong royong, membantu guru dan sebagainya.

#### Kesan program selepas sekolah

1. Program yang dijalankan selepas waktu sekolah di rancang dan dilaksanakan untuk menarik minat supaya pelajar seronok belajar di sekolah.
2. Mencungkil bakat pelajar dalam segala bidang seperti sukan, seni dan banyak lagi dan mengembangkan ke peringkat lebih tinggi.
3. Mengisi masa lapang pelajar dengan aktiviti yang berfaedah.
4. Dapat meningkatkan prestasi pencapaian akademik pelajar.
5. Dapat membina sahsiah pelajar agar lebih berani dan yakin.

#### Outcome sekolah

1. Kedatangan/kehadiran pelajar bertambah baik.
2. Masalah disiplin amat kurang
3. Pencapaian akademik meningkat sehingga sekolah menerima anugerah sekolah paling cemerlang di Wilayah Jeollanamdo.
4. Banyak bakat dicungkil di kalangan pelajar dan sekolah memenangi banyak pingat pertandingan kokurikulum.
5. Pelajar seronok dan bersedia untuk belajar.
6. Pelajar sayang kepada sekolah. Bangga menjadi pelajar sekolah.
7. Memberi ruang dan peluang untuk pelajar kembangkan pemikiran kreatif.
8. Peningkatan amalan pembelajaran sendiri di kalangan pelajar.

9. Ibu bapa berpuas hati dengan prestasi sekolah dan kadar perpindahan pelajar ke sekolah lain sangat kurang.
10. Guru lebih bermotivasi untuk terus berusaha untuk memberi yang terbaik agar sekolah terus cemerlang dan dihormati oleh masyarakat setempat dan juga di kalangan warga pendidik.

**Tajuk 8** : Under-standing Distance Education  
**Pembentang** : Kim,Jejong  
Director Jeollanamdo Educational Information Institute  
**Jurubahasa** : You Unjung  
**Tempat** : Jeollanamdo Educational Information Institute

### **Sinopsis**

Para peserta telah diberi sedikit taklimat berkenaan dengan fungsi serta peranan Jeollanamdo Educational Information Institute dengan persembahan video. Kemudian di bawa melawat sekitar bangunan berkenaan untuk melihat kemudahan – kemudahan serta bilik – bilik yang telah disediakan selaras dengan fungsi dan peranan institut berkenaan . Peserta berpeluang untuk melawat Bahagian Penyiaran Internet Pendidikan Jeonnam (*Jeonnam Internet Educational Broadcast*), bilik kawalan penyiaran pendidikan digital (*Digital Control Room*), studio rakaman pendidikan dan diberi pendedahan tentang peralatan – peralatan yang ada di dalam bilik tersebut serta cara – cara untuk mengendalikan satu sesi rakaman di studio.

Di jabatan ini juga peserta diberi peluang untuk melawat bilik server yang menjadi pusat simpanan data (dengan kapasiti 3 Terabit) dan menjadi pusat perhubungan internet dalam pendidikan bagi 843 buah sekolah di sekitar Jeollanamdo. Bilik ini juga berperanan penting bagi program "*Home Cyber Learning*", iaitu pembelajaran melalui internet dari rumah untuk semua warga sekolah (pelajar, guru dan pentadbir) disekitar daerah ini. Selain daripada itu, peserta juga telah melawat bilik solekan (*green room*), bilik kompresor penghawa dingin bangunan, Bilik Informasi Bahan (*Information Material Room*), bilik rakaman secara langsung (*on air*), Bilik Kawalan Penyiaran Pendidikan Analog (*Analog Control Room*), Jabatan Sokongan Pendidikan (*Educational Support Department*), Jabatan Pentadbiran, bilik – bilik pusat latihan (untuk para pelajar, ibu bapa serta guru – guru dalam latihan informasi pendidikan-*information education*).

### **CERAMAH UNDERSTANDING DISTANCE EDUCATION**

Objektif :

Para peserta akan berupaya untuk :

1. Mempelajari konsep dan kepentingan – kepentingan peranan bagi Pembelajaran Jarak Jauh (*Distance Education*)
2. Memahami peringkat – peringkat yang terdapat di dalam Pembelajaran Jarak Jauh
3. Memahami sifat – sifat, kelebihan dan kekurangan peranan media dalam Pembelajaran jarak jauh
4. Mempelajari tentang Pemanfaatan Pembelajaran Jarak Jauh - "*Utilization Of Distance Learning*"

### **Sinopsis :**

#### Kandungan

1. Konsep Pembelajaran Jarak Jauh
  - Kemajuan internet telah membawa kepada banyak perubahan di kebanyakan masyarakat – internet telah menjayakan *e – learning*
  - E – learning adalah sejenis kaedah pembelajaran jarak jauh yang berbeza dengan kaedah – kaedah yang ada sebelum ini.
  - Pembelajaran Jarak Jauh menekankan pembelajaran antara muka (*face to face education*), iaitu suatu jarak fizikal yang wujud antara guru dan pelajar.
2. Definisi Terkini Pembelajaran Jarak Jauh
  - Sistem pengajaran dan pembelajaran boleh dilakukan oleh sesiapa sahaja pada bila – bila masa dengan guru memberi fokus kepada pelajar berlandaskan pembelajaran dua hala.
  - Pada masa yang lalu, kaedah yang hampir sama memang wujud.
  - Pembelajaran Jarak jauh bermula apabila bidang penyiaran dan telekomunikasi mula berkembang dan digunakan dalam pendidikan pada tahun 1970an.
  - Pengenalan kepada penggunaan komputer di bilik darjah dan kemajuan internet telah membawakan perubahan yang dramatik dalam pendidikan baru – baru ini.
  - Arahkan berasaskan bantuan komputer (*Computer-assisted learning-CAI*) dan arahan berasaskan laman web (*Web-based instruction*) serta pembelajaran melalui alam maya (*Virtual Reality*) telah berpeluang menjadi realiti.
  - Konsep Pembelajaran Jarak Jauh bukan sahaja perlu dibezakan dengan konsep pembelajaran antara-muka yang tradisional, ianya juga perlu dibezakan melalui evolusi pendidikan jarak jauh yang diwujudkan terdahulu.

3. Ciri – Ciri Penting Dalam Pembelajaran Jarak Jauh Dibandingkan Dengan Pendidikan Antara-Muka.

- Jarak Geografi : Komunikasi melalui media pengajaran dan pembelajaran.
- Pemanfaatan Media Pengajaran Dan Pembelajaran (*Utilization Of Teaching And Learning Media*) melalui media : Untuk mengatasi faktor geografi (jarak) – Cetakan (buku teks, dokumen bercetak), audio (radio dan pita audio), video (Television dan pita video), perisian *Computer Assisted Learning* dan internet.
- Penekanan Komunikasi Dua Hala : Dipertimbangkan untuk menjadi pengukur untuk menggantikan komunikasi berasaskan arahan antara – muka (*face to face instruction*)
- Pembelajaran Individu : Mensasarkan lebih banyak pelajar berbanding kaedah pendidikan antara-muka (*face to face education*).
- Alat – alat komputerisasi (*Computerization Tools*) juga digunakan terhadap pembelajaran berasaskan individu pada pra-rancangan dan bahan – bahan sistematik.
- Tanggungjawab Pelajar : Pelajar boleh memilih bila, di mana dan bagaimana untuk belajar.
- Keperluan untuk menyokong bahan – bahan : Sumber manusia dan fizikal seperti pembangunan bahan dan sokongan terhadap pelajar.

4. Peringkat dalam pembelajaran jarak jauh (dikategorikan mengikut jenis media yang diguna)

Peringkat Pertama : Pembelajaran Jarak jauh mengikut kesesuaian

- Bermula pada tahun 1840 di United Kingdom untuk memudahkan dalam pendidikan
- Media bercetak yang sesuai telah digunakan secara umum di dalam ceramah
- Pembelajaran secara individu dan bebas merupakan matlamat utama, tetapi menjadi tidak sempurna apabila terdapat kelemahan dari segi interaksi.

Peringkat Kedua : Pembelajaran Jarak jauh dengan menggunakan media masa

- Media massa digunakan untuk mengatasi kelemahan media bercetak. Media massa yang biasa digunakan adalah seperti TV dan radio.
- Bermula pada tahun 1960, pembelajaran jarak jauh yang sebenar telah bermula.
- Peralatan dan kemudahan untuk penyiaran telah mula digunakan untuk menghasilkan program pendidikan.

- Lanjutan daripada itu, universiti – universiti terbuka telah mendapat penyebaran meluas di seluruh dunia.
- Kelebihan : Ramai orang boleh menggunakan kaedah ini
- Kelemahan : Hanya bersifat arahan satu hala sahaja ( one way instruction)

➤ Peringkat 3 : Pembelajaran Jarak Jauh Dengan Menggunakan Komputer

- Penggunaan komputer secara aktif telah disasarkan untuk mengatasi kekurangan dan kelemahan interaksi yang timbul diantara guru dan juga pelajar
- Ianya telah bermula pada tahun 1980an dan telah berjaya mengubah persepsi orang ramai terhadap pembelajaran jarak jauh.
- Boleh disesuaikan dengan pendidikan antara-muka tradisional. Ianya telah menjadi pilihan kepada para pelajar.
- Keupayaan komunikasi dua hala telah dapat digunakan di atas kemajuan komputer dan teknologi komunikasi.
- Kesannya, pembelajaran secara *real time* berupaya untuk pergi lebih jauh.

Peringkat Keempat : *E – Learning*

- Bermula pada 1990an, penggunaan internet secara aktif telah membantu dalam penyebaran pembelajaran jarak jauh dengan lebih cepat.
- Pewujudan Universiti Siber dan latihan koperat dapat dilakukan dengan meluas.
- *World Wide Web* (sesawang antarabangsa) telah berjaya membawa banyak perubahan kepada masyarakat.
- *E-learning* telah menjadi satu tarikan utama iaitu sebagai satu jalan untuk merialisasikan pendidikan yang menumpukan kepada pelajar.

5. Penggunaan Media Dalam Pembelajaran Jarak Jauh

➤ Media Bercetak – Media asas yang digunakan dalam pendidikan

- Digunakan secara sistematik selepas organisasi – organisasi pembelajaran jarak jauh ditubuhkan.
- Memberi fokus kepada bahan – bahan bercetak yang sedang membangun untuk pembelajaran sendiri bagi membantu pelajar untuk belajar tanpa guru.
- Menawarkan isi – isi kandungan secara sistematik kepada para pengguna, memberi penerangan yang ringkas dan mudah untuk difahami, memberi garis panduan kepada suatu kursus, memberi peluang kepada pelajar sendiri untuk ulasan dan rujukan dan membolehkan pemberian maklum balas dari guru – guru.

- Tidak ada kelengkapan atau kemudahan khas yang perlu disediakan (sesuai, mudah alih, menjimatkan dan mesra pengguna iaitu terhadap guru dan pelajar).
- **Penyiaran Media**
- Penyiaran media seperti radio dan televisyen mempunyai pengaruh yang sangat besar di dalam pendidikan.
  - Penyiaran pendidikan yang pertama telah dilakukan iaitu dengan pelancaran BBC di negara British (*Britain*) pada tahun 1924.
  - Di Korea pula, "Sekolah Radio" telah dilancarkan pada tahun 1950 dengan guru – guru sebagai kumpulan sasaran.
  - *Korean National Open University* dan sekolah – sekolah tinggi telah memulakan penyiaran secara *on air* untuk menyiarkan dan menyebarkan kuliah pada tahun 1972. Manakala Stesen Penyiaran Pendidikan (*Education Broadcasting Station - EBS*) telah dilancarkan pada tahun 1990.
  - Ciri – ciri penyiaran media – mempunyai pendengar yang ramai, laju, boleh dilakukan secara serentak, tidak bertulis (abjad), dan mudah untuk membuat publisiti.
  - Mempunyai kesan yang sangat tinggi iaitu lebih tinggi daripada media bercetak.
  - Penggunaan media audio dan visual yang sangat meluas membantu dalam penyumbangan bahan – bahan bercetak.
  - Kelemahan : hanya melibatkan komunikasi satu hala sahaja dan tidak menawarkan pembelajaran secara sendiri.
  - *Teleconferencing* seperti video berkuliah tidak berjaya dilaksanakan.
- **Komputer Dan Internet – Perubahan Secara Dramatik Dalam Pembelajaran Jarak Jauh**
- Pada peringkat awal, komputer hanya digunakan untuk tujuan hal ehwal dan pengurusan pentadbiran. Ianya juga digunakan dalam *computer – assisted instruction*.
  - Pada tahun 1990an, rangkaian komputer seperti internet telah berkembang ke tahap yang baru.
  - E-Learning dapat berkembang dengan cepat di akhir tahun 1990an.
  - *Korea National Open University* dan *Correspondence High Schools* telah mula membangunkan kelas – kelas pembelajaran menggunakan *E – Learning*.

- Universiti Siber telah diperkenalkan dan menerima pelbagai menerima ijazah dengan hanya melalui pembelajaran jarak jauh tanpa memerlukan kehadiran pelajar.
  - Terdapat pelbagai jenis pembelajaran jarak jauh iaitu – EBSi menggunakan internet, dan *Cyber Home Learning*.
  - Ramai pelajar yang tidak mampu untuk mengikuti pendidikan biasa.
- Sifat – sifat komputer berasaskan media dalam komunikasi.
- Membolehkan para pelajar dan guru untuk berinteraksi secara serentak dan secara tidak serentak. Pelajar boleh berinteraksi dengan pelajar lain, tanpa mengira masa dan ruang. Para pelajar juga boleh menanyakan soalan dan memperolehi jawapan pada sebarang masa.
  - Bilangan maklumat yang sangat banyak dapat dipindahkan atau dikongsi pada masa yang sangat pantas.
  - Membenarkan pembelajaran secara bekerjasama dikalangan pelajar. Para pelajar boleh berkongsi maklumat dan pendapat serta melakukan sesi perbincangan. Ianya juga menawarkan suasana kerjasama bukan sahaja terhadap seseorang individu.
  - Merupakan paradigma baru dalam pendidikan dengan mengubah kaedah pembelajaran termasuklah kaedah tradisional antara – muka dan juga kaedah pengajaran dan pembelajaran yang sedia ada.
  - Mencari maklumat dengan menggunakan internet, dan berinteraksi melalui email untuk sesi soal jawab.
  - Pembelajaran secara koperatif telah dapat dilaksanakan. Perkongsian maklumat dengan belajar bersama pakar atau pelajar lain menerusi paparan *e-buletin* dan juga perbincangan menerusi elektronik juga dapat dilaksanakan.
  - Penyampaian kandungan pelajaran – menerusi pelbagai jenis media seperti surat, gambar dan audio.
  - *Hypertext* dan *Hypermedia* dapat digunakan di dalam laman web
- Kelebihan Pembelajaran Jarak Jauh
- Para pelajar boleh memilih kaedah pembelajaran pada bila – bila masa dan dimana sahaja tanpa menghiraukan bilangan pelajar yang terlibat dalam sesi pembelajaran tersebut.
  - Kos yang efektif. Walaupun kos untuk penubuhan sistem adalah tinggi, tetapi kos penyelenggaraan adalah sangat rendah.

- Para pelajar boleh mendapatkan informasi terkini tanpa menghiraukan masa dan juga amaun maklumat. Mereka juga boleh mengakseskan diri dengan guru ataupun pakar yang berada di kawasan yang jauh.
- Dihubungkan melalui rangkaian dimana pelajar dari pelbagai lokasi dapat menjalinkan kerjasama dalam pembelajaran dengan suasana yang interaktif.

#### ➤ Kelemahan Pembelajaran Jarak Jauh

- Kos yang efektif tetapi kos untuk penubuhan sistem adalah sangat tinggi.
- Pelaburan yang konsisten diperlukan untuk menyediakan dan mengekalkan perkhidmatan sokongan kepada para pelajar/pengguna dengan pelbagai bahan pembelajaran.
- Sukar untuk diurus dan kekurangan dalam kualiti kandungan pembelajaran dan pelajar.
- Masalah yang melibatkan komunikasi di antara guru dan pelajar juga akan timbul kerana terdapat perubahan dalam saluran-saluran komunikasi.

#### ➤ Aplikasi Pembelajaran Jarak jauh Di Korea

- Peringkat awal – Pembelajaran melalui penyiaran media
- Mensasarkan golongan pelajar dewasa yang tidak mempunyai peluang untuk pendidikan yang formal, bermula pada tahun 1972. *Correspondence High School* dan *Korea National Open University* telah mula dalam penyiaran. Bahan disiarkan di radio setiap malam.
- Menghadiri kelas – kelas setiap hari Ahad di sekolah tinggi seluruh negara – dengan membekalkan bahan – bahan pembelajaran yang bercetak.
- Setelah lebih 30 tahun, seramai 200,000 orang dewasa telah lulus di sekolah tinggi melalui sistem ini.
- Pada tahun 1996, penceramah *computer – assisted* telah dimulakan manakala Sekolah Tinggi Siber telah dilaksanakan pada tahun 2006.

#### ➤ Pengenalan kepada *E – Learning*

- Universiti Siber telah mula ditubuhkan pada tahun 2000, dan kini 17 daripadanya menawarkan ijazah sarjana muda.
- Pendidikan Seumur Hidup untuk pelajar dewasa menerusi *Correspondence High Schools*, *Open University* dan *Cyber Universiti*.
- EBS mula menawarkan kuliah *e-Learning* sebagai satu alternatif kepada tuisyen persendirian

- *Cyber Home Learning* telah diperkenalkan untuk menggantikan pendidikan swasta, yang telah diuji sejak tahun 2005.
- Bukan sahaja untuk pendidikan semumur hidup tetapi juga untuk pendidikan tradisional antara – muka.
- Pasaran *E – Learning* swasta telah meningkat secara mendadak.
- Digunakan secara aktif untuk kerja melatih dan kursus – kursus bahasa asing.

#### OUTCOME

- Aplikasi media secara berkesan adalah sangat penting dalam pembelajaran jarak jauh untuk mengatasi masalah jarak secara geografi diantara guru dan pelajar.
- Cetak dan penyiaran media telah digunakan secara meluas dalam pembelajaran jarak jauh. Walau bagaimanapun, media *E-Learning* akan menggantikan mereka pada masa akan datang.
- Pengenalan kepada komputer dan internet telah merialisasikan pelaksanaan pembelajaran dua-hala secara aktif diantara guru dan pelajar. Pembelajaran jarak jauh pada asalnya bukan merupakan pilihan kepada mereka yang tidak mampu dalam pendidikan yang biasa. Tetapi kini, ianya telah menjadi satu alternatif kepada mereka untuk menggantikan kelas – kelas tradisional .
- Organisasi – organisasi yang menguruskan dan menyokong pembelajaran jarak jauh adalah diperlukan untuk memastikan sistem ini berjaya.

#### Multiplier Effect

- Program ini boleh digunakan dan dilaksanakan di Malaysia. Ianya sudah tentu akan memberi manfaat kepada Sistem Pendidikan di Malaysia. Selain daripada itu, program ini akan membantu mereka yang tidak berpeluang mengikuti pendidikan biasa yang disebabkan faktor kekangan jarak geografi. Program ini akan mengatasi masalah tersebut dan seterusnya membantu negara dalam mencapai matlamat iaitu pendidikan untuk semua.

**Tajuk 9** : **E-Learning Quality Management**  
**Pembentang** : **Park, Bongsu**  
**Principal Hongnong Elementary School**  
**Jurubahasa** : **You Unjung**  
**Tempat** : **Naju City**

Sinopsis :

1. Keperluan untuk Pengurusan Kualiti - E-Learning muncul sebagai satu paradigma pendidikan dalam masyarakat berasaskan pengetahuan melebihi dimensi penggunaan aplikasi media elektronik dalam pembelajaran. Ia juga dilihat sebagai satu keperluan bagi melonjak daya saing sesebuah negara. Negara-negara didunia sedang berusaha untuk membangunkan e-learning dengan merangka strategi dan pelan tindakan khas. Sejak kolaborasi antara industri dan komuniti pendidikan dilihat sebagai satu keperluan untuk e-Learning oleh kerana ciri-ciri yang ada padanya, kerajaan Korea Selatan sedang aktif menghubungkan beberapa polisi antara jabatan dalam kerajaan dan menghubungkan e-Learning terus kepada pembangunan sumber manusia dalam pembangunan industri sebagai prekrepsi asas dalam mempromosi daya saing negara.
2. Sehubungan dengan itu, kerajaan Korea telah membangunkan EduNet untuk membantu proses pembelajaran murid menggunakan e-Learning. Sebelum ini guru-guru elementary, middle School dan High School mencari bahan menggunakan EduNet dari internet seperti bahan-bahan modul, klip video dan audio. Melalui EduNet pula kerajaan melaksanakan Cyber Home Learning. Dalam membangunkan e-Learning kerajaan mengambilkira persekitaran sedia ada dalam penyediaan bahan.
3. Jeollanamdo menyediakan pelbagai bahan dalam Cyber Home Learning seperti bahan pendidikan jarak jauh untuk guru dan internet broadcasting melalui e-movie.
4. Cyber Home Learning telah dilaksanakan pada tahun 2004 dan peluasannya dilakukan dalam tahun 2005. E-learning dilaksanakan bukan sahaja pada peringkat sekolah, tetapi juga oleh syarikat-syarikat dan program pendidikan jarak jauh untuk guru.
5. Pihak syarikat menggunakan e-Learning untuk mengambil pekerja baru. Apabila pekerja tamat menjalani latihan e-Learning mereka diberikan tauliah

sebagai pekerja. Pihak syarikat menggunakan kemudahan ini kerana pekerja tidak perlu dikumpulkan pada sesuatu lokasi.

6. Pada peringkat sekolah rendah, e-Learning menggunakan Digital Textbook. Sebelum ini beberapa server telah digunakan sebagai pusat e-Learning. Kerajaan kemudian berpatah balik dengan mewujudkan Digital Textbook yang menyerupai buku-buku teks sebenar. Murid boleh menggunakan Digital Textbook mengikut aras masing-masing. Pelajar boleh melihat aras sebelum atau selepas kerana Digital Textbook adalah satu bahan yang menggunakan kaedah pautan kepada bahan-bahan yang lain yang diperlukan oleh pelajar. Oleh kerana itu pelajar bebas untuk memilih pautan mana yang sesuai dengan aras kemampuan masing-masing. Korea merupakan negara pertama melaksanakan Digital Textbook. Dalam sistem pembelajaran, setiap kelas akan mempunyai 4 masa dalam satu hari bagi satu subjek yang diajar. Masa pertama dan kedua digunakan untuk mengajar pengetahuan baru dan selepas itu masa ketiga dan keempat digunakan untuk melihat semula apa yang telah dipelajari sebelum ini. Dengan menggunakan Digital Textbook pelajar boleh memilih sebarang aras yang bersesuaian dengan pencapaian mereka.
7. Dalam penggunaan Digital Textbook, penggunaan laptop sangat diperlukan. Laptop pula perlu mempunyai kemudahan touch-screen.
8. Bagi pelajar middle school dan High School pula, e-Learning menggunakan telefon bimbit. Bagi menjayakannya, penyediaan kemudahan capaian tanpa wayar hendaklah disediakan terlebih dahulu. Buat masa ini, penggunaan smartphone masih belum dapat dilaksanakan. Mungkin dalam masa 2 tahun Smartphone menjadi popular dan ia boleh digunakan untuk e-Learning.
9. Dengan perkembangan secara kuantitatif e-learning ini dan penggunaannya yang aktif, hasil dari polisi kerajaan berkaitan dengan e-Learning telah menyumbang kepada peluang-peluang dalam bidang pendidikan. Penyebaran luas peluang ini, mempunyai aspek negatif khususnya dari segi kualiti. Untuk meningkatkan kualiti bahan pendidikan e-Learning ada lah perlu mewujudkan satu sistem pengurusan kualiti yang praktikal dan berkesan.
10. Pihak Kementerian Pelajaran (MOE) dan Korea Education And Research Information Service (KERIS) telah melaksanakan program akreditasi kandungan pendidikan sejak tahun 1998 sebagai satu cara mengawal dan menyebarkan bahan pendidikan berkualiti tinggi dalam usaha untuk mewujudkan kaedah pengejaran dan pembelajaran generasi masa depan di sekolah-sekolah.

11. Program akreditasi ini telah memainkan peranan yang besar dalam mengawal dan menyokong industri kandungan pendidikan melalui penemuan-penemuan baru dan memaklumkan secara aktif bahan kandungan pendidikan yang telah dibangunkan oleh pihak swasta.
12. Sejak tahun 1995 hingga 2005, sebanyak 714 jenis bahan kandungan pendidikan daripada 1027 yang memohon, telah menerima akreditasi kualiti dan digunakan untuk pelbagai tujuan seperti menyokong aktiviti Pengajaran Dan Pembelajaran di sekolah dan membantu pelajar belajar sendiri di rumah. Program akreditasi telah memberi kesan yang sangat baik dalam menyebarkan kandungan pendidikan yang cemerlang dan meningkatkan pembangunan bahan berkualiti tinggi.
13. Kes Di Luar Negara: Pengurusan Kualiti e-Learning telah dijalankan sebagai satu polisi yang diperlukan dalam banyak negara didunia. Ia dianggap satu strategi utama untuk mempromosi industri e-Learning sesebuah negara dan satu cara yang sangat diperlukan untuk mendapatkan keyakinan pengguna e-Learning.
14. Di Britain, Institute Of IT Training (IITT) adalah pihak yang diberi peranan untuk pengurusan kualiti dalam pelbagai bidang, seperti penyediaan panduan pengurusan kualiti untuk tenaga pengajar dan menentukan piawaian berkaitan dengan pembangunan bahan e-Learning yang berkualiti dan berkesan.
15. Amerika pula memberikan akreditasi bahan, program, operasi institusi dan perkhidmatanya melalui Distance Education Testing Center (DETC), the National Centre for Accreditation for Teacher Education (NCATE) dan the Council For Higher Education Accreditation (CHEA) di bawah US Department Of Education.
16. Australia dan New Zealand telah bekerjasama dalam menentukan polisi e-Learning termasuk gabungan pengurusan kualiti dan pengeluaran piawaian, pembangunan kurikulum dan kandungan teknologi dengan berpandukan garis panduan yang dikeluarkan oleh OECD dan UNESCO.
17. Kriteria penilaian bagi Pengurusan Kualiti e-Learning: Pengurusan kualiti seharusnya menyumbang kepada kaedah pendidikan dan memastikan kualiti pendidikan. Bagi mencapai maksud tersebut, satu kumpulan pelbagai pihak perlu dilibatkan dalam membangunkan bahan kriteria penilaian untuk pengurusan kualiti bahan e-Learning yang seharusnya mempunyai item-item penilaian yang jelas dan spesifik. Sebagai contoh, kriteria penialaian seharusnya menyediakan kepada pembangun dan pengguna e-Learning, penyedia perkhidmatanm institusi dan agensi pendidikan dengan kriteria yang

minima tentang apakah kualiti pengurusan yang akan dilaksanakan untuk pelajar dan pengguna e-Learning.

18. Kriteria penilaian untuk pengurusan kualiti e-Learning sepatutnya bukan sahaja kriteria minima untuk pembangunan dan pengguna bahan e-Learning tetapi juga panduan-panduan untuk membangun dan caraguna bahan berkualiti.
19. Bagi memastikan kriteria ini praktikal, adalah diperlukan untuk mencipta satu persekitaran pengurusan kualiti yang membolehkan pembangun e-Learning, pengguna, penyedia perkhidmatan dan institusi untuk memilih hanya kriteria yang sesuai untuk pembangun dan pengguna dengan menyediakan skop yang terperinci, rujukan, faktor-faktor, indikator dan item untuk penilaian.
20. Kriteria penilaian juga seharusnya secara tidak langsung menyumbang untuk memastikan hak pengguna untuk belajar, mempromosi e-Learning dan meningkatkan kualiti. Dan juga seharusnya dapat dijadikan alat diagnostik yang objektif untuk pengguna sendiri menilai bahan, penyelesaian dan perkhidmatan e-Learning.
21. Sistem Pengurusan Kualiti e-Learning - Sistem ini sangat diperlukan bagi memperolehi produk dan perkhidmatan yang boleh dipercayai pengguna. Bagi penyedia perkhidmatan, kriteria penilaian ini boleh dijadikan sebagai garis panduan dalam membina produk dan perkhidmatan mereka.
22. Fungsi utama dalam sistem pengurusan kualiti bahan e-Learning boleh dibahagikan kepada diagnosis sendiri, aplikasi, penilaian dan penyediaan maklumat kualiti akreditasi. Perkhidmatan diagnosis sendiri membolehkan penyedia bahan membuat penialaian sendiri sebelum memohon akreditasi. Perkhidmatan aplikasi pula membolehkan penyedia bahan membuat pemeriksaan prosedur dari mula memohon sehingga keputusan akhir. Perkhidmatan penilaian pula direka dan dibangunkan untuk mempercepat dan memudahkan proses penilaian dengan membenarkan penilai dalam setiap bidang menilai setiap produk secara online. Dan akhirnya, perkhidmatan penyediaan maklumat akreditasi kualiti pula direka untuk membantu pengguna membuat pilihan yang tepat dengan menyediakan maklumat terperinci mengenai produk dan perkhidmatan e-Learning yang disahkan oleh satu sistem pengurusan kualiti e-Learning yang menyeluruh.

## OUTCOMES

1. Pengurusan Kualiti e-Learning adalah perlu untuk memastikan hak pelajar untuk belajar dan untuk kebaikan industri e-Learning dengan membangunkan bahan pendidikan yang baik.
2. Korea Selatan dan beberapa negara maju telah melaksanakan pelbagai polisi pengurusan kualiti e-Learning bukan sahaja untuk mempromosi e-Learning mereka tetapi juga untuk meningkatkan eksport melalui pengukuhan daya saing global industri e-Learning mereka.
3. Untuk pengurusan kualiti yang berkesan, adalah perlu membangunkan kriteria pengurusan kualiti untuk penilaian yang objektif dan boleh dipercayai.
4. Sistem pembangunan dan operasi diperlukan untuk operasi dan mewujudkan maklumat mengenai pengurusan kualiti untuk pihak yang berminat dalam e-Learning dan pertimbangan yang mendalam seharusnya dilakukan kepada setiap fungsi untuk mengoptimumkan operasi pengurusan kualiti dalam pembangunan sistem.

## KESAN GANDAAN

1. Sistem Pengurusan Kualiti e-Learning boleh digunakan pakai di Malaysia kerana ia telah dilaksanakan di beberapa buah negara dan didapati sangat berkesan dalam menjaga kualiti produk dan perkhidmatan pendidikan.
2. Sistem ini memberi manfaat kepada Sistem Pendidikan Malaysia.
3. Sistem ini dapat memperkukuhkan amalan dalam kelas dengan menggunakan bahan-bahan pendidikan yang disahkan sebagai berkualiti.
4. Program ini dapat berkekalan malah akan dapat ditingkatkan lagi dari semasa ke semasa dalam menjaga kualiti bahan pendidikan.
5. Program ini dapat memperkukuhkan hubungan dua hala kerana mempunyai bahan yang telah diberi akreditasi yang disahkan oleh pihak berkuasa.
6. Program ini dapat memperkukuhkan hubungan pelbagai hala kerana bahan yang dihasilkan adalah bahan yang benar-benar berkualiti dengan piawaian antarabangsa.

7. Program ini dapat mempertingkatkan kerjasama dengan organisasi antarabangsa kerana produk dan perkhidmatan yang berkualiti dan diberi akreditasi.

**Tajuk 10** : The Concept of ICT in Education and Its Use  
**Pembentang** : No, Heongsuk  
Principal Jangseong Jungang Elementary School  
**Jurubahasa** : Kim Meongshim  
**Tempat** : Training Institute Joellanamdo

1. Konsep ICT menyimpan, menyampaikan dan menggunakan maklumat dengan menggunakan hardware dan software.
2. Konsep ICT dalam Pendidikan.
  - a. ICT literasi Pendidikan
  - b. ICT dalam Pendidikan
  - c. Perkaitan antara literasi ICT dan ICT dalam pendidikan
3. Keperluan ICT dalam Pendidikan
  - a. Menghasilkan kebole ubahan dan kepelbagaian aktiviti.
  - b. Meningkatkan kreativiti, penyelesaian masalah dan pembelajaran sendiri.
  - c. Merangsang penglibatan yang aktif dalam pelajaran melalui motivasi.
  - d. Memperkembangkan bidang pendidikan tidak terikat dalam bilik darjah.
    - melalui Homepage
    - melalui EDU net
4. Mengubah Eranan Guru Untuk Pengaplikasian Yang Berjaya Bagi ICT Dalam Pendidikan.
  - a. Guru sebagai fasilitator , pembimbing, perekacipta pemikiran dan kaunselor dalam bilik darjah.
  - b. Guru merangsang pemikiran pelajar mencipta pembelajaran yang bermakna.
  - c. Mengubah paradigma guru dan pelajar.
  - d. Bergerak ke arah sekolah masa hadapan dan masyarakat berinformasi
    - persekolahan dan kaunseling di rumah
    - mencipta sekolah cyber
    - halaman Edu Web
    - Pengurusan dan pentadbiran pendidikan elektronik
    - ICT dalam bilik darjah
    - Bilik darjah digital
    - Pengajaran melalui satelit dan internet wireless
    - Bimbingan dan galakan dalam pendidikan.

## 5. Kemungkinan dan Limitasi ICT dalam Pendidikan

Timbul salah faham tentang penggunaan ICT dalam bilik darjah antaranya.

- a. ICT dalam pendidikan sepatutnya dilihat sebagai pelengkap kepada pembelajaran bersemuka.
- b. ICT boleh menggantikan papan hitam tetapi tidak boleh mengubah kandungan pelajaran.
- c. Pembelajaran melalui Online dan offline juga mempunyai limitasi dan kelebihan tersendiri dan perlu digabungkan sekali.
- d. Masih bergantung kepada buku teks walaupun agak ketinggalan dengan perkembangan semasa.
- e. Online digunakan bagi membantu offline.

## 6. Sifat-Sifat Dan Jenis ICT Bagi Pengguna Pendidikan

- basic type dan On-site type yang boleh dibahagikan kepada
  - i. jenis selari
  - ii. Jenis bersiri
  - iii. Jenis gabungan

8 jenis penggunaan ICT dicadangkan seperti berikut

- a. Mencari maklumat
- b. Penganalisan maklumat
- c. Mempersembahkan maklumat
- d. Perbincangan Web
- e. Penyelidikan Kolaboratif
- f. Bertukar maklumat dengan pakar
- g. E- PALS
- h. Mencipta maklumat

7. EBS dan Edu net– mengandungi 7 bahagian mengikut asas persekolahan. Boleh diakses oleh sesiapa sahaja tetapi mestilah di Login dahulu. Setiap sekolah mempunyai Homepage sendiri. Sesetengah sekolah setiap kelas mempunyai Homepage sendiri. Setiap keluarga mempunyai ID sendiri untuk akses kepada Homepage sekolah bagi mengetahui perkembangan anak-anak mereka. Cyber Word seperti laman FB untuk setiap pelajar berinteraksi sesama pelajar. Merangsangkan pembelajaran sendiri.

8. Kepentingan EduNet

- a. Kepada guru untuk mengajar
- b. Kepada pelajar untuk belajar

9. Dua bentuk pembelajaran

- a. Pembelajaran sendiri
- b. Pembelajaran Kelas

10. Pencapaian pelajar mempengaruhi prestasi dan kehidupan seorang guru seterusnya mengujudkan sedikit tekanan kepada guru.

**Tajuk 11** : **Information and Communications Ethics**  
(Etika Maklumat Dan Komunikasi)

**Pembentang** : **Choi, Jinsuk**  
**Educational Researcher Jeollanamdo Educational**  
**Information Institute**

**Jurubahasa** : **Kim, Meongshim**

**Tempat** : **Training Institute Joellanamdo**

1. Jenis-jenis kesalahan dalam ICT

Penyalahgunaan peralatan digital, penyebaran bahan pornografi, meniplak dan mencuri harta intelektual, menceroboh maklumat peribadi, peningkatan jenayah cyber,

ketagihan internet dan lain-lain lagi.

2. Timbul masalah baru dalam masyarakat seperti berikut

Mengintai, perjudian, penipuan, pelacuran. pencemaran nama baik, penyebaran desas-

desus dan gangguan verbal.

3. Pihak berkuasa mengatasi masalah kesalahan cyber di Korea di bawah kelolaan Information Communication Ethics Committee.

4. Prinsip asas dalam Etika Komunikasi dan Maklumat

- a. Memberi pendidikan asas dalam semua aspek sejak di peringkat awal kanak .
- b. Pendidikan yang seimbang antara apa yang boleh dan apa yang tidak dalam mengendalikan ICT
- c. Pendidikan kepada komuniti untuk hidup bersama dalam komuniti cyber secara harmoni.
- d. Pendidikan Kepelbagaian Budaya bagi membina pemikiran terbuka dalam menerima berbagai arah pemikiran dan sifat.
- e. Pendidikan jatidiri dalam membantu manusia dalam mengekalkan keseimbangan keegoan, kemanusiaan dan ketulusan.
- f. Pendidikan berasaskan teknologi. Pelbagai teknologi perlu digunakan secara aktif dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

5. Peraturan Utama Etika dalam Internet

- a. Ingat kepada manusia

- b. Mengikuti satu standard yang sama bagi semua secara online atau offline dalam kehidupan yang nyata.
- c. Mengetahui dimana ruang cyber anda berada.
- d. Menghormati orang lain
- e. Jadikan diri terbaik
- f. Berkongsi pengetahuan dan kepakaran
- g. Meredakan api kemarahan anda
- h. Menghormati peribadi orang lain
- i. Jangan salahgunakan kuasa anda
- j. Memaafkan kesalahan orang lain.